

# Dekorasi belon sumber pendapatan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tidak pernah terlintas dalam fikiran Husna Mastura Halmi, hobi menyediakan dekorasi sambutan ulang tahun kelahiran keluarga dan rakan akan menjadi kegiatan yang menjana pendapatan.

Reaksi positif diterima membuatkan gadis berusia 26 tahun itu memulakan bisnes kecil-kecilan dinamakan *Balloon Mania* yang menerima tempahan dan penghantaran hadiah dihiasi belon untuk acara keriaan.

Mahasiswa Sarjana Sains (Pertanian), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata,

beliau menawarkan perkhidmatan seperti penjualan belon secara terus di kedai yang terletak di dalam kampus, selain tempahan dan penghantaran jambangan bunga segar serta coklat dihiasi belon.

“Pelanggan boleh membuat permintaan, sama ada menggunakan perkhidmatan ini untuk penghantaran hadiah dihiasi belon secara kejutan kepada insan tersayang atau menyediakan hiasan bagi acara istimewa mengikut tema dan tempat pilihan mereka.

## Pelbagai produk

“Perniagaan dimulakan sejak Julai tahun lalu ini bersesuaian dengan trend semasa masyarakat, terutama golongan muda yang gemar meraikan insan disayangi mengu-

nakan dekorasi belon,” katanya.

Bersesuaian dengan pasaran khusus untuk warga kampus, *Balloon Mania* menawarkan perkhidmatan pada kadar harga berpatutan dan berbaloi.

Pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan di Kedai *Balloon Mania* itu turut boleh diakses menerusi media sosial instagram di alamat HS\_balloonmania.

Husna Mastura berkata, selain menghias majlis sambutan ulang tahun kelahiran, perkhidmatan itu turut menawarkan penghantaran ke lokasi di sekitar Lembah Klang.

“Saya juga menawarkan perkhidmatan penghantaran hadiah dihiasi belon untuk graduan konvokesyen, akikah, sudut bergambar per-



kahwinan dan parti *bachelorette*,” katanya.

Beliau berkata, meskipun ketika ini *Balloon Mania* tidak mempunyai persaingan dalam perniagaan sebegitu di UPM, tetapi tetap berdepan dengan cabaran tersendiri yang membuatkan beliau lebih berhati-hati.

“Antara cabaran yang dihadapi adalah untuk mendapatkan kreativiti dan idea bagi menyediakan dekorasi acara. Saya juga perlu memikirkan kaedah untuk menarik pelanggan, termasuk memastikan ada publisiti berterusan.

“Selain itu, kerenah pelanggan juga antara cabaran utama kerana pernah berdepan dengan sikap individu yang sudah membuat tempahan, tetapi membatalkannya saat akhir,” katanya.

**Pemilik perniagaan Balloon Mania, Husna Mastura.**



Antara perkhidmatan dekorasi acara yang ditawarkan Husna Mastura melalui *Balloon Mania*.